

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	29 SEPTEMBER 2016

Genting rancang bina kapal persiaran terbesar dunia

Um - 29/9/2016

SCHWERIN, Jerman 28 Sept. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Kumpulan Genting merancang untuk membina sebuah kapal persiaran yang terbesar di dunia melalui tiga limbungan kapal yang baru dibelinya di Wismar dekat sini.

Menurut Perdana Menteri, pemilikan kapal sedemikian akan membolehkan Kumpulan Genting memainkan peranan yang lebih besar dalam industri pelancongan kapal persiaran.

Melalui pemilikan limbungan itu, katanya, Kumpulan Genting



juga akan membina sebuah kapal persiaran sungai bertaraf enam bintang.

Bercakap pada sidang akhbar bersama Menteri-Presiden negeri Merkleburg-Vorpommern, Erwin Sellering di sini hari ini, kata Najib, dua projek tersebut akan membolehkan syarikat itu men-

uasai industri pelancongan kapal persiaran.

Kumpulan Genting membeli tiga limbungan itu pada harga 375 juta euro dan ia dijangka meningkatkan pelaburan kepada 1 bilion euro dalam masa terdekat ini.

Menurut Perdana Menteri, dalam perbincangannya dengan Sellering hari ini kedua-dua pihak sepakat untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang maritim, pelancongan dan teknologi biojisim.

"Pembelian tiga limbungan itu juga akan mewujudkan peluang-

peluang pekerjaan bukan saja bagi pihak limbungan itu malah pembekal," katanya.

Sebelum itu, Perdana Menteri dalam lawatannya ke Merkleburg-Vorpommern disambut oleh Sellering dalam satu upacara rasmi di bangunan Canselori di sini.

Najib turut menandatangani buku pelawat bersejarah yang disimpan oleh pihak berkuasa negeri tersebut sejak penyatuan Jerman 1989.

Beliau turut mengadakan perbincangan dengan Erwin dan para pegawai di negeri itu. - UTUSAN